



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



**BUKU
PANDUAN**

**PENYELIDIKAN
TINDAKAN**

BUKU PANDUAN PENYELIDIKAN TINDAKAN

Disediakan oleh:
Pusat Pembangunan Akademik
Institut Pendidikan Guru Malaysia
2018

BUKU PANDUAN PENYELIDIKAN TINDAKAN

Pusat Pembangunan Akademik
Institut Pendidikan Guru Malaysia

Diterbitkan oleh:
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 1-3, Blok 2250, Jalan Usahawan 1,
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel : 03-83126666
Faks : 03-83126655
Web : <http://ipgm.moe.edu.my>

eISBN : 978-967-1270-9-1

© Hak cipta Institut Pendidikan Guru Malaysia
Semua hakcipta terpelihara. Hak cipta Kementerian Pendidikan Malaysia 2018.
Semua petikan daripada penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula atau disimpan
dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk
dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau
sebaliknya tanpa mendapat keizinan daripada penerbit.

Januari 2018

KANDUNGAN

SENARAI JADUAL	v
SENARAI SINGKATAN	vi
KATA ALU-ALUAN REKTOR	vii
PENGENALAN	viii
A ETIKA PENYELIDIKAN	1
B FORMAT PENULISAN PENYELIDIKAN TINDAKAN	3
C PANDUAN PENULISAN KERTAS CADANGAN PENYELIDIKAN TINDAKAN	4
D PANDUAN PENULISAN LAPORAN PENYELIDIKAN TINDAKAN	12
E PANDUAN PENULISAN ARTIKEL PENYELIDIKAN	22
F RUBRIK PENTAKSIRAN KERTAS CADANGAN PENYELIDIKAN TINDAKAN	24
G RUBRIK PENTAKSIRAN PEMBENTANGAN KERTAS CADANGAN	33
H RUBRIK PENTAKSIRAN LAPORAN PENYELIDIKAN PENDIDIKAN	34
I RUBRIK PENTAKSIRAN PELAPORAN HASIL PENYELIDIKAN	44
J RUBRIK PENTAKSIRAN ARTIKEL PENYELIDIKAN	46
K FORMAT PENULISAN RUJUKAN (APA EDISI KE-ENAM)	47
Panduan menulis senarai rujukan	47

KANDUNGAN

Senarai rujukan : Buku, buku rujukan dan bab dalam buku (<i>book chapters</i>)	49
Senarai rujukan : Terbitan berkala (<i>periodicals</i>)	50
Senarai rujukan: Sumber bahan bercetak yang lain	51
Senarai rujukan : Bukan bahan bercetak	53
Mempersembahkan dapatan kajian	54
Panduan memetik rujukan ke dalam teks	56
Contoh menulis rujukan	58
Contoh penulisan abstrak laporan penyelidikan	59
Contoh analisis kualitatif	60
Nota Tambahan	61
L KEPERLUAN ASAS LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN TINDAKAN	62
M PELAKSANAAN PEMBENTANGAN	65
N SOALAN-SOALAN LAZIM	66
O RUJUKAN	68
P PANEL PENULIS BUKU	70

KANDUNGAN

LAMPIRAN A	CONTOH MUKA DEPAN KERTAS CADANGAN	71
LAMPIRAN B	CONTOH MUKA DEPAN LAPORAN	72
LAMPIRAN C	HALAMAN JUDUL	73
LAMPIRAN D	PENGESAHAN PENYELIA	74
LAMPIRAN E	PENGAKUAN PENGKAJI	74
LAMPIRAN F	CONTOH DEDIKASI	76
LAMPIRAN G	PENGHARGAAN	77
LAMPIRAN H	ABSTRAK	78
LAMPIRAN I	KANDUNGAN	79
LAMPIRAN J	SENARAI JADUAL	80
LAMPIRAN K	SENARAI RAJAH	81
LAMPIRAN L	SENARAI LAMPIRAN	82
LAMPIRAN M	CONTOH SENARAI SINGKATAN	83
LAMPIRAN N	TETULANG BELAKANG LAPORAN	84
LAMPIRAN O	FORMAT ARTIKEL	84
LAMPIRAN P	JURNAL REFLEKTIF	85

KANDUNGAN

LAMPIRAN Q	REKOD KOLABORASI	87
LAMPIRAN R	BORANG PENTAKSIRAN KERTAS CADANGAN	88
LAMPIRAN S	BORANG PENTAKSIRAN LAPORAN PENYELIDIKAN TINDAKAN	90
LAMPIRAN T	BORANG PENTAKSIRAN PEMBENTANGAN KERTAS CADANGAN	92
LAMPIRAN U	BORANG PENTAKSIRAN PELAPORAN HASIL PENYELIDIKAN	93
LAMPIRAN V	BORANG PENTAKSIRAN PENULISAN ARTIKEL	94

SENARAI JADUAL

Jadual	Nama Jadual	Muka Surat
Jadual 1	Format Penulisan Kertas Cadangan dan Laporan Penyelidikan Tindakan	3

SENARAI SINGKATAN

APA	<i>American Psychological Association</i>
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPGK	Institut Pendidikan Guru Kampus
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
IPT	Institut Pengajian Tinggi
RMK	Ringkasan Maklumat Kursus
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran



KATA ALU-ALUAN REKTOR INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.


Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Illahi kerana Buku Panduan Pelaksanaan Penyelidikan untuk Institut Pendidikan Guru Malaysia yang disediakan oleh panel penulis Institut Pendidikan Guru dapat disiapkan dengan sempurna. Tahniah saya ucapkan kepada Pengarah Pusat Pembangunan Akademik, Institut Pendidikan Guru Malaysia yang mengambil inisiatif merancang penerbitan buku ini. Tahniah juga saya rakamkan kepada panel penulis Institut Pendidikan Guru yang telah bertungkus lumus menjayakan penerbitan buku ini. Usaha ini amatlah saya hargai dan seharusnya diteruskan lagi pada masa hadapan.

Penerbitan buku ini amat relevan untuk menjadi panduan kepada pensyarah dan pelajar Institut Pendidikan Guru dalam menghasilkan penulisan ilmiah yang berkualiti dan mencapai standard yang sepatutnya. Usaha murni ini juga dapat membantu kesemua kampus Institut Pendidikan Guru menghasilkan penulisan ilmiah yang seragam. Sehubungan itu, isu kepelbagaian cara dan gaya penulisan ilmiah yang berlaku dalam kalangan kampus Institut Pendidikan Guru sebelum ini dapat diatasi melalui penerbitan buku ini.

Saya berpendapat penerbitan buku ini amat bertepatan dengan anjakan kelapan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia iaitu transformasi kebolehan dan keupayaan penyampaian pendidikan. Penggunaan suatu panduan penulisan penyelidikan yang standard dalam kalangan pensyarah dan pelajar Institut Pendidikan Guru mampu melonjakkan kualiti penulisan penyelidikan pensyarah dan pelajar Institut Pendidikan Guru. Saya berharap penerbitan buku ini akan mengurangkan jurang penerbitan penyelidikan antara Institut Pendidikan Guru dan Institut Pengajian Tinggi yang ada di negara ini.

Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Pengarah Pusat Pembangunan Akademik, Institut Pendidikan Guru Malaysia dan panel penulis yang telah berkorban masa, tenaga dan daya fikir untuk menghasilkan buku ini. Semoga pengorbanan dan usaha tersebut akan diberkati oleh Allah s.w.t.

Selamat maju jaya.



(Dr. SARIAH BINTI ABD JALIL)
Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia

PENGENALAN

Selaras hasrat KPM untuk menjadikan IPG sebagai sebuah institusi latihan guru bertaraf dunia, standard penyelidikan juga perlu ditingkatkan. Pelajar IPG perlu didedahkan dengan pelbagai jenis penyelidikan berbanding hanya penyelidikan tindakan sahaja. Mulai 2018, sebanyak empat lagi bentuk penyelidikan akan diperkenalkan dalam kursus Asas Penyelidikan dalam Pendidikan dan Penyelidikan dalam Pendidikan–Kertas Projek. Keempat-empat jenis reka bentuk penyelidikan tersebut ialah penyelidikan tinjauan, penyelidikan eksperimen/ kuasi-eksperimen, penyelidikan etnografi dan kajian kes selain penyelidikan tindakan yang sedia ada. Pelajar akan diberikan peluang lebih terbuka untuk meneroka bidang penyelidikan yang mereka inginkan. Keempat-empat reka bentuk penyelidikan tersebut merupakan proses ilmiah yang melibatkan aktiviti mengumpul, mengolah, menguji dan mentafsir data hingga kepada penulisan kesimpulan menggunakan kaedah dan teknik tertentu bagi mencari penyelesaian atau jawapan kepada isu-isu berkaitan pendidikan. Secara umumnya fungsi penyelidikan pendidikan tersebut adalah untuk mengembangkan ilmu pendidikan, menyelesaikan masalah pendidikan dan menyelidik pembangunan pendidikan negara. Melalui penyelidikan pendidikan sebegini, guru selaku pengamal pendidikan berpeluang untuk menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran serta meningkatkan profesionalisme keguruan. Sehubungan itu, Buku Panduan Pelaksanaan Penyelidikan IPG ini digubal untuk kegunaan kursus asas penyelidikan bagi program PISMP IPG. Buku Panduan Pelaksanaan Penyelidikan ini bertujuan membantu pensyarah dan pelajar mengurus pelaksanaan dan penilaian kerja kursus penyelidikan secara terancang, sistematik dan berkualiti.

Rasional dan Matlamat

Buku Panduan Pelaksanaan Penyelidikan ini merupakan satu rujukan untuk mengoptimumkan piawaian pelaksanaan dan penulisan laporan di seluruh kampus IPG. Buku panduan ini menyediakan rujukan bagi lima jenis reka bentuk penyelidikan yang boleh dilaksanakan di IPG iaitu penyelidikan tinjauan, penyelidikan eksperimen/ kuasi-eksperimen, penyelidikan etnografi, kajian kes dan penyelidikan tindakan. Seajar itu, buku panduan ini bertujuan untuk memudahkan penyelia membimbing dan menyelia pelaksanaan penyelidikan yang dipilih oleh pelajar mengikut kesesuaian bidang kajian. Buku panduan ini juga bertujuan memastikan keseragaman konsep dan format dalam melaksanakan dan menghasilkan satu penyelidikan pendidikan.

Objektif

1. Menghasilkan satu sistem kawalan mutu penulisan laporan penyelidikan yang mantap
2. Meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan kerja kursus berkaitan dengan reka bentuk penyelidikan yang dipilih
3. Memperincikan format dan susun atur cara pentaksiran dan pemeriksaan kertas cadangan, pembentangan kertas cadangan, laporan, pelaporan hasil kajian (lisan) dan artikel.
4. Menyeragamkan pelaksanaan penyelidikan pendidikan bagi semua kursus penyelidikan yang dikendalikan oleh IPG.

A. ETIKA PENYELIDIKAN

Dalam menjalankan penyelidikan, pengkaji perlu mematuhi peraturan dan etika penyelidikan (Chua, 2014; Creswell, 2014).

Berikut merupakan etika dalam penyelidikan:

1. Hak tersendiri

Pengkaji tidak boleh memaksa seseorang itu untuk terlibat dalam sesuatu penyelidikan. Surat kebenaran perlu diperoleh daripada ibu bapa/penjaga jika kanak-kanak dilibatkan dalam penyelidikan.

2. Hak untuk tidak dikenali

Pengkaji dianggap tidak beretika sekiranya pengkaji melaporkan dapatan kajian berasaskan individu, lebih-lebih lagi jika identiti juga dilaporkan.

3. Hak kerahsiaan

Hak kerahsiaan bertujuan untuk menjaga integriti peserta kajian/responden di samping memastikan peserta kajian tidak teraniaya atau mendapat musibah. Antara kaedah yang sering digunakan oleh pengkaji untuk menjamin hak kerahsiaan ialah:

- a. Menggunakan sistem kod bukan nama sebenar.
- b. Memusnahkan protokol kajian seperti soal selidik yang telah diproses apabila kajian telah diselesaikan.
- c. Menggunakan sampul surat berselem sendiri untuk tujuan memulangkan soal selidik yang telah lengkap diisi.

4. Tanggungjawab pengkaji

Pengkaji bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang implikasi yang berlaku kepada peserta kajian/responden yang terlibat dalam penyelidikan. Pengkaji mestilah bertanggungjawab terhadap penyelidikan mereka.

5. Mengelakkan kecederaan fizikal atau mental peserta kajian

Kebajikan setiap individu yang terlibat dalam penyelidikan perlu diberikan pertimbangan dan perhatian utama. Semasa menjalankan penyelidikan, elakkan peserta kajian/responden daripada terdedah kepada sebarang kemungkinan yang dapat menyebabkan mereka tercedera fizikal atau terganggu dari segi emosi atau mental.

6. Elakkan daripada membohongi peserta kajian

Berbohong akan menyebabkan peserta kajian/responden mempercayai perkara yang tidak benar. Pembohongan yang dilakukan mungkin dalam bentuk aktif (menipu) ataupun pasif (menyembunyikan sesuatu daripada pengetahuan peserta kajian/responden. Kedua-dua pembohongan ini adalah salah dari segi etika penyelidikan.

7. Plagiat

Kegiatan plagiat berlaku sekiranya seseorang pengkaji mengambil atau menggunakan idea atau hasil kerja orang lain tanpa memberikan penghargaan atau mendapatkan kebenaran.

8. Memalsu atau merahsiakan data

Pengkaji perlu melaporkan secara jujur setiap data bagi mengembangkan ilmu atau memperoleh pengetahuan baharu. Sekiranya pengkaji mengubah suai data bagi mendapatkan hasil sebagaimana yang dikehendaki, tindakan ini bukan sahaja menyekat kemajuan pengetahuan tetapi juga dapat menyebabkan implikasi negatif terhadap peserta kajian/responden yang terlibat.

B. FORMAT PENULISAN PENYELIDIKAN TINDAKAN

Penulisan Kertas Cadangan (2500 patah perkataan) dan Laporan Tindakan (10,000 patah perkataan) dibahagikan kepada empat bahagian utama, iaitu muka depan, permulaan, teks dan lampiran (Jadual 1).

Jadual 1

Format Penulisan Kertas Cadangan dan Laporan Penyelidikan Tindakan

Kertas Cadangan Penyelidikan Tindakan	Penulisan Laporan Penyelidikan Tindakan
MUKA DEPAN	MUKA DEPAN
PEMULAAN Kandungan Senarai Jadual Senarai Rajah Senarai Gambar Senarai Lampiran	PEMULAAN Halaman Judul Pengesahan Penyelia Pengakuan Pengkaji Dedikasi Penghargaan Abstrak Kandungan Senarai Jadual Senarai Rajah Senarai Singkatan Senarai Lampiran
TEKS • TAJUK • PENDAHULUAN • FOKUS KAJIAN • OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN • PESERTA KAJIAN • PERANCANGAN PELAKSANAAN KAJIAN • RUJUKAN	TEKS • TAJUK • PENDAHULUAN • FOKUS KAJIAN • OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN • PESERTA KAJIAN • PELAKSANAAN KAJIAN • DAPATAN KAJIAN • REFLEKSI • CADANGAN TINDAKAN SUSULAN • RUJUKAN
LAMPIRAN	LAMPIRAN

C. PANDUAN PENULISAN KERTAS CADANGAN PENYELIDIKAN TINDAKAN

Muka Depan

Kulit depan perlu mengandungi perkara berikut iaitu tajuk (ditulis dalam huruf besar, saiz *font* Arial 14 dan *bold*), nama pelajar, program pengajian, ambilan, nama penyelia, IPG dan tahun penyerahan kertas cadangan penyelidikan (LAMPIRAN A). Muka depan cadangan penyelidikan tindakan perlu menggunakan kertas A4 biasa (80gm).

Permulaan

Bahagian permulaan terdiri daripada lima bahagian kecil yang perlu disertakan dalam penulisan. Muka surat bagi setiap halaman dilabelkan dengan huruf Roman. Antara bahagian yang dimaksudkan ialah:

- KANDUNGAN
- SENARAI JADUAL
- SENARAI RAJAH
- SENARAI SINGKATAN
- SENARAI LAMPIRAN

Kandungan

Halaman kandungan hendaklah dimulakan pada muka surat baharu dan mengandungi dua komponen, iaitu tajuk dan muka surat.

Senarai Jadual

Semua jadual yang terdapat dalam kertas cadangan disenaraikan dalam halaman ini. Antara maklumat yang disenaraikan ialah nombor jadual, nama jadual, dan muka surat jadual.

Senarai Rajah

Semua rajah yang terdapat dalam kertas cadangan disenaraikan dalam halaman ini. Antara maklumat yang disenaraikan ialah nombor rajah, nama rajah, dan muka surat rajah.

Senarai Singkatan

Halaman ini menyenaraikan semua singkatan dan nama penuh yang digunakan dalam penulisan. Bahagian ini, mengandungi tiga komponen iaitu singkatan, huraian dan muka surat.

Senarai Lampiran

Halaman ini menyenaraikan semua bahan berkaitan kajian yang dilampirkan dalam kertas cadangan. Lazimnya, bahan yang dilampirkan terdiri daripada surat kebenaran, soal selidik, kertas soalan ujian/peperiksaan, gambar berkaitan, dan sebagainya. (Contohnya: LAMPIRAN C: SOAL SELIDIK KAJIAN).

Teks

Penulisan teks dilangkau 1.5 menggunakan font Arial 12. Kandungan dalam teks merangkumi tujuh perkara berikut:

1. TAJUK

- Tajuk tidak melebihi 15 patah perkataan.
- Terdiri daripada pencapaian tindakan yang berbunyi positif, fokus (kandungan mata pelajaran/ kemahiran dan peserta kajian) dan tindakan.
- Contoh:
 - Penggunaan Tikar Ajaib Untuk Membantu Murid Pemulihan Tahun Tiga Menguasai Kemahiran Menambah Dengan Mengumpul Semula
 - Tikar Ajaib: Meningkatkan Kemahiran Menambah Dengan Mengumpul Semula Dalam Kalangan Murid Pemulihan Tahun Tiga

2. PENDAHULUAN

Pengenalan

Memberi gambaran menyeluruh tentang bidang kajian

Konteks

- Huraian berkaitan pengkaji
- Huraian mata pelajaran yang diajar
- Huraian am murid dan sekolah

Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)

- Menghuraikan beberapa pengalaman P&P yang berkaitan
- Menilai dan membincangkan kembali amalan P&P
- Refleksi sendiri merangkumi:
 - Isi kandungan mata pelajaran
 - Isi kandungan pedagogi
 - Pengalaman sebenar diri sendiri

- Membincangkan secara mendalam andaian, nilai dan kepercayaan berasaskan pengalaman diri sendiri dan ulasan literatur
- Membincangkan secara terperinci jurang antara nilai dan/atau kepercayaan yang dipercayai yang dipegang dengan amalan yang dilaksanakan
- Menyatakan justifikasi/andaian/harapan terhadap kajian yang dicadangkan

Contoh Penulisan Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran Lalu

Mengimbas kembali pengalaman mengajar, saya sentiasa merancang aktiviti berkumpulan di dalam kelas. Saya percaya amalan ini berkesan kerana menurut kajian oleh Rubiah Aksah (2005), pembelajaran secara berkumpulan yang terdiri daripada tiga hingga lima orang ahli adalah cukup baik untuk mengelakkan lencongan objektif perbincangan. Pembelajaran sebegini juga membolehkan murid mengemukakan pendapat dengan lebih berkesan. Maka, saya sentiasa meminta murid berbincang dalam kumpulan. Sebagai contoh, empat atau lima orang dikumpulkan bersama dan mereka diminta berbincang mengenai organ deria yang terlibat dengan rangsangan dan membuat perkongsian melalui '*Gallery Walk*'. Teknik ini adalah berdasarkan pendekatan pembelajaran koperatif. Mengikut Slavin (2006), pembelajaran koperatif amat berkesan kerana murid sendiri yang terlibat secara aktif untuk membentuk pemahaman mereka.

Renungan mendalam terhadap amalan mengajar saya mendedahkan kelemahan diri sendiri semasa melaksanakan teknik berkumpulan. Walaupun cara pelaksanaan ini berasaskan kaedah konstruktivisme, murid-murid saya masih pasif. Pembacaan mendalam mengenai konstruktivisme dan pembelajaran koperatif mendedahkan bahawa agihan murid-murid saya dalam kumpulan lebih kepada homogen dan bukan heterogen. Kejadian ini berlaku kerana mereka belum menghadapi peperiksaan ketika pengelasan kumpulan dilakukan. Selain daripada menempatkan mereka dalam kumpulan, jelaslah apabila aktiviti diberikan kepada kumpulan, saya tidak bertindak sebagai pembina semangat berpasukan yang menggalakkan pembinaan nilai amanah, dan komitmen kerja. Ini menyebabkan tiada pertukaran idea aras tinggi berlaku. Tambahan pula, sebagai seorang guru, saya perlu menghayati konsep dan fungsi kerja berkumpulan terlebih dahulu. Menurut Johnson et al. (1994), terdapat lima elemen asas pembelajaran koperatif yang perlu dipatuhi untuk mewujudkan pembelajaran koperatif yang berkesan iaitu.

3. FOKUS KAJIAN

Pemilihan Fokus Kajian

- Mengenal pasti dan menghuraikan fokus kajian yang berkait dengan pengalaman pengkaji dan relevan dengan keperluan murid
- Menilai pemilihan fokus berdasarkan kriteria berikut:
 - Kebolehtadbiran (Berkeupayaan menangani masalah/ kekangan yang dihadapi)

- Kepentingan (Perkongsian ilmu pengetahuan dan memberi nilai tambah pedagogi).
- Kebolegunaan (boleh diaplikasikan ke dalam bidang tugas guru).
- Kawalan (Bidang kajian berada di dalam ruang lingkup kuasa guru untuk bertindak termasuklah murid, alatan P&P).
- Kolaborasi (Bantuan rakan guru/ memudahkan perbincangan dan rujukan pakar/ Sokongan pihak pentadbir sekolah).
- Kerelevanan kepada sekolah (Keperluan menangani masalah).
- Menyatakan fokus kajian dan peluang penambahbaikan dengan amat jelas.
- Menghuraikan cara pengumpulan data awal untuk membuktikan masalah/ isu secara terperinci.
- Menyertakan dokumen yang berkaitan sebagai data untuk membuat refleksi amalan P&P.
- Menyatakan perkaitan dan kerelevanan dengan masalah/ isu.

Pengumpulan Data Awal

- Data awal seperti ujian diagnostik, temu bual, buku latihan, rekod pencapaian dan seumpamanya yang berkaitan dengan isu yang dikaji.
- Menunjukkan keperihatinan untuk menyelesaikan isu tersebut.

Perhatian:

Ulasan literatur haruslah digabung jalin sepanjang penulisan teks. Perkara-perkara berikut haruslah diberi perhatian dalam mengulas literatur:

- Ulasan literatur berkaitan isu kajian.
- Menghubungkan artikel-artikel penyelidikan dengan isu keperihatinan yang telah dikenal pasti.
- Penggunaan sedutan kata (*quotation*).
- Penulisan rujukan menggunakan sistem APA terkini.
 - Sekurang-kurangnya 10 sumber pembacaan berkaitan yang merangkumi bahan- bahan daripada sumber buku, jurnal, artikel ilmiah dari laman web yang sah, tesis atau kajian terdahulu daripada universiti atau Institut Pengajian Tinggi (IPT) lain

Tindakan

- Menghuraikan model penyelidikan tindakan seperti dinyatakan dalam Ringkasan Maklumat Kursus (RMK)
- Memperincikan bahan atau sistem yang digunakan sebagai tindakan,

sekiranya ada (iaitu sama ada permainan, *board game* seperti sahibba monopoli, main peranan dan seumpamanya)

- Menghuraikan proses menggunakan bahan yang dihasilkan atau melaksanakan tindakan bagi memperbaiki isu murid dan amalan guru.
- Memperihalkan teori atau prinsip yang menjadi asas kepada tindakan secara jelas
- Membuat perkaitan dengan ulasan literatur yang relevan dengan tindakan yang dilaksanakan secara jelas

4. OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

- Perlu menulis secara spesifik pernyataan objektif yang berkaitan pengkaji dan peserta kajian
- Objektif untuk pengamal selaku pengkaji digambarkan melalui pemilihan perkataan tingkah laku yang boleh diukur atau eksplisit
- Objektif dapat menjawab isu kajian
- Objektif yang ditulis dapat diukur pada akhir kajian
- Objektif dapat dilaksanakan melalui tindakan atau kaedah yang dicadangkan. Pernyataan objektif yang melibatkan peserta kajian perlu mengandungi tiga perkara berikut:
 - Pencapaian tindakan (misalnya "*menguasai kemahiran penambahan mengumpul semula ...*")
 - Fokus (misalnya, "*konsep asas penambahan mengumpul semula murid pemulihan Tahun Tiga*")
 - Tindakan (misalnya, "*Tikar Ajaib*")
- Kata kerja yang digunakan dalam objektif dan soalan kajian boleh diukur
 - Contoh pernyataan objektif:
 - Menghuraikan cara murid menguasai kemahiran penambahan mengumpul semula menggunakan Tikar Ajaib. (*kepada peserta kajian*).
 - Memperihalkan amalan penambahbaikan pedagogi guru dalam meningkatkan penguasaan murid menambah dengan mengumpul semula menggunakan Tikar Ajaib. (*kepada pengamal*).
- Soalan kajian mestilah relevan dengan objektif kajian.
 - Contoh soalan kajian merujuk kepada contoh pernyataan objektif di atas:
 - Bagaimanakah murid menguasai kemahiran penambahan mengumpul semula menggunakan Tikar Ajaib?
 - Bagaimanakah guru menambah baik amalan pedagogi bagi meningkatkan penguasaan murid menambah dengan mengumpul semula melalui penggunaan Tikar Ajaib?

Perhatian:

Elakkan daripada menggunakan perkataan-perkataan seperti mencari “perbezaan”, “perhubungan”, “keberkesanan” dalam pernyataan objektif kerana perkataan sedemikian tidak menggambarkan konsep Penyelidikan Tindakan.

Pernyataan hipotesis nul dan alternatif tidak sesuai dinyatakan dalam kajian ini.

5. PESERTA KAJIAN

- Menyatakan penglibatan pengkaji secara langsung.
- Memerihalkan ciri-ciri peserta kajian secara terperinci merangkumi perkara berikut:
 - Bilangan, jantina, lokasi dan/atau nama sekolah dan kelas (elakkan daripada menggunakan nama sebenar), prestasi akademik, ciri-ciri khusus kelas dan individu yang dikaji.
- Pengkaji mestilah mematuhi etika penyelidikan.

Perhatian:

Bilangan peserta kajian haruslah sesuai dengan isu dan fokus kajian.

Perkataan yang sesuai digunakan bagi mewakili kumpulan sasaran ialah “peserta kajian” dan “murid”. Elakkan daripada menggunakan perkataan “sampel” dan “responden”.

6. PERANCANGAN PELAKSANAAN KAJIAN

Bahagian ini mengandungi tiga perkara:

- Langkah-langkah Tindakan
- Perancangan Kaedah Mengumpul Data
- Perancangan Cara Menganalisis Data

Langkah-langkah Tindakan

- Memperincikan langkah-langkah atau aktiviti tindakan (P&P) dengan amat jelas (rujuk pada rubrik pentaksiran).
- Menyatakan senarai tindakan mengikut urutan. Boleh dimasukkan RPH jika perlu.
- Memberi rasional terhadap tindakan yang dicadangkan.
- Jadual Pelaksanaan Kajian - Menyediakan jadual pelaksanaan dalam bentuk Carta Gantt.
- Anggaran Perbelanjaan - Menyediakan anggaran kos, peralatan yang sesuai.

Perancangan Kaedah Mengumpul Data

- Dalam penyelidikan tindakan, pengkaji adalah instrumen utama.
 - Pengkaji mesti mematuhi etika penyelidikan.
 - Contoh: surat kebenaran daripada ibu bapa/penjaga (sekiranya perlu).
 - Terdapat tiga kaedah mengumpul data:
 - Pemerhatian
 - Temu bual
 - Analisis Dokumen
 - Contoh instrumen:
 - Ujian bertulis
 - Ujian yang dibina oleh guru sendiri.
 - Soalan berbentuk objektif atau subjektif sesuai digunakan.
 - Mengukur pengetahuan dan kemahiran yang relevan dengan soalan kajian.
 - Temu bual
 - Berstruktur: mempunyai jadual khusus dan soalan disediakan mengikut urutan.
 - Separa berstruktur: soalan spesifik disediakan dan dikemukakan tetapi pencungkilan dilakukan berasaskan jawapan yang diberikan.
 - Tidak berstruktur: pengkaji boleh meneroka dan melakukan pencungkilan dengan bebas; perlu ada kerangka/ senarai tema/ topik yang dikehendaki.
- Contoh:
- Apakah perasaan anda yang ingin dikongsikan dengan kami semasa mengikuti aktiviti sebentar tadi? Mengapa?
 - Apakah pandangan anda? Mengapa?
- Pemerhatian
 - Terdapat dua jenis pemerhatian: pemerhatian turut serta (participant observation) dan pemerhatian tanpa turut serta (non-participant observation).
 - Contoh: jurnal, buku log, diari, catatan anekdot, senarai semak dan nota lapangan, rakaman audio-visual yang dilakukan sendiri atau orang lain.
 - Instrumen pemerhatian yang dibina mestilah relevan dengan soalan kajian.

- Analisis dokumen
 - Pengkaji menggunakan bahan yang wujud atau hasil kerja peserta kajian.
 - Analisis dokumen merujuk kepada data yang memberi gambaran dan kefahaman mendalam tentang sesuatu peristiwa atau kejadian.
 - Jenis dokumen:
 - Sumber primer disediakan oleh peserta kajian
Contoh: autobiografi, surat peribadi, diari, jurnal reflektif, hasil kerja murid, buku skrap.
 - Sumber sekunder diperolehi dari sumber lain
Contoh: minit mesyuarat, memo, rekod murid dan fail peribadi murid, Surat panggilan mesyuarat, buku tahunan, press release, kod etika, pernyataan falsafah, surat khabar, buletin, surat kepada editor, risalah, buku garis panduan kepada murid atau ibu bapa.

Perancangan Cara Menganalisis Data

- Pengkaji mesti mematuhi etika penyelidikan
- Cara analisis mesti sesuai dengan jenis data yang dikumpul.
 - Cara analisis data dijelaskan (Perhatian: Jadual matriks analisis data kualitatif dikemukakan untuk menggambarkan proses analisis yang terlibat)
 - Contoh: analisis secara deskriptif menggunakan kekerapan (bilangan dan/atau peratusan) atau analisis bertema (thematic analysis) dalam memberi makna kepada data.

Dapatan kajian - Dinyatakan Perancangan Persembahan Data

- Kuantitatif: Data dipersembahkan sama ada dalam jadual, carta, histogram atau graf.
- Kualitatif: Data dipersembahkan mengikut tema-tema yang disokong sama ada dengan teks perbualan, naratif, rajah lakaran atau gambar.

7. RUJUKAN

Menyenaraikan sekurang-kurangnya 10 rujukan daripada pelbagai sumber merangkumi jurnal, buku dan sumber dalam talian yang boleh dipercayai. Rujukan kajian lepas tidak melebihi 10 tahun dan penulisan rujukan adalah konsisten dengan gaya rujukan *American Psychological Association (APA)* terkini.

D. PANDUAN PENULISAN LAPORAN PENYELIDIKAN TINDAKAN

Pelajar diwajibkan menyerahkan penulisan laporan penyelidikan kepada IPG Kampus dalam bentuk:

- i. Satu salinan *hard copy* laporan penyelidikan (salinan perpustakaan)
- ii. 3 salinan laporan penyelidikan dalam cakera padat (salinan perpustakaan, Jabatan, Penyelia)

Muka Depan

Kulit depan perlu mengandungi perkara berikut iaitu tajuk (ditulis dalam huruf besar, saiz *font* Arial 14 dan *bold*), nama pelajar, nama IPG dan tahun penyerahan laporan akhir penyelidikan (LAMPIRAN B). Muka depan laporan penyelidikan tindakan perlu menggunakan kertas buckram berwarna *maroon*.

Permulaan

Bahagian permulaan terdiri daripada 11 bahagian kecil yang perlu disertakan dalam penulisan laporan. Muka surat bagi setiap halaman dilabelkan dengan huruf Roman. Antara bahagian yang dimaksudkan ialah:

- HALAMAN JUDUL
- PENGESAHAN PENYELIA
- PENGAKUAN PENGKAJI
- DEDIKASI
- PENGHARGAAN
- ABSTRAK (Dwibahasa)
- KANDUNGAN
- SENARAI JADUAL
- SENARAI RAJAH
- SENARAI LAMPIRAN
- SENARAI SINGKATAN

Terdapat empat komponen yang membentuk halaman judul iaitu tajuk kajian, nama pelajar, pernyataan keperluan menjalankan kajian dan tahun laporan penyelidikan dihantar.

Pengesahan Penyelia

Laporan penyelidikan yang hendak diserahkan untuk tujuan penilaian perlu mendapat pengesahan daripada penyelia terlebih dahulu. Halaman ini mengandungi lima komponen iaitu tajuk, pernyataan pengakuan, tandatangan, nama penyelia dan tarikh.

Pengakuan Pengkaji

Halaman ini mengandungi pengakuan penulis tentang keaslian penyelidikan dan hendaklah ditandatangani oleh penulis. Halaman ini mengandungi lima komponen iaitu tajuk, pernyataan pengakuan, tandatangan, nama pengkaji dan tarikh.

Dedikasi

Pernyataan dedikasi hendaklah ringkas, iaitu tidak lebih daripada satu perenggan dan tidak mengandungi sebarang nombor, carta atau gambar. Halaman ini mengandungi dua komponen iaitu tajuk dan pernyataan penghargaan.

Penghargaan

Halaman ini hendaklah ditulis tidak melebihi dua muka surat. Penghargaan dirakamkan kepada orang perseorangan atau organisasi yang telah memberikan sebarang bantuan dalam penyediaan kajian.

Abstrak

Abstrak ialah singkatan atau ringkasan kandungan yang komprehensif bagi membolehkan pembaca meninjau kandungan kajian dengan cepat. Penulisan abstrak hendaklah dalam satu perenggan sahaja dan tidak melebihi 250 patah perkataan (satu muka surat). Aspek yang perlu dimasukkan ialah pernyataan masalah, tujuan kajian, metodologi (reka bentuk, persampelan, instrumen), dapatan dan implikasi/kepentingan. Abstrak hendaklah ditulis dalam dwibahasa iaitu bahasa Melayu dan diikuti terjemahannya dalam bahasa Inggeris pada muka surat berikutnya. Bagi kursus yang dikendalikan dalam bahasa lain (contoh: Kursus Penyelidikan Bahasa Cina Pendidikan Rendah), abstrak perlu disediakan dalam bahasa Cina dan bahasa Melayu.

Kandungan

Halaman kandungan hendaklah dimulakan pada muka surat baharu dan mengandungi dua komponen, iaitu tajuk dan muka surat.

Senarai Jadual

Semua jadual yang terdapat dalam kertas cadangan disenaraikan dalam halaman ini. Antara maklumat yang disenaraikan ialah nombor jadual, nama jadual, dan muka surat jadual.

Senarai Rajah

Semua rajah yang terdapat dalam kertas cadangan disenaraikan dalam halaman ini. Antara maklumat yang disenaraikan ialah nombor rajah, nama rajah, dan muka surat rajah.

Senarai Singkatan

Halaman ini menyenaraikan semua singkatan dan nama penuh yang digunakan dalam penulisan. Bahagian ini mengandungi tiga komponen iaitu singkatan, huraian dan muka surat.

Senarai Lampiran

Halaman ini menyenaraikan semua bahan berkaitan kajian yang dilampirkan dalam kertas cadangan. Lazimnya, bahan yang dilampirkan terdiri daripada surat kebenaran, soal selidik, kertas soalan ujian/peperiksaan, gambar berkaitan, dan sebagainya.

Teks

Penulisan teks dilangka 1.5 menggunakan *font* Arial 12. Kandungan dalam teks merangkumi sembilan perkara berikut:

1. PENDAHULUAN

Pengenalan

Memberi gambaran menyeluruh tentang bidang kajian.

Konteks

- Huraian berkaitan pengkaji
- Huraian mata pelajaran yang diajar
- Huraian am murid dan sekolah

Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)

- Menghuraikan beberapa pengalaman P&P yang berkaitan
- Menilai dan membincangkan kembali amalan P&P
 - Refleksi sendiri merangkumi:
 - Isi kandungan mata pelajaran.
 - Isi kandungan pedagogi.
 - Pengalaman sebenar diri sendiri.
 - Membincangkan secara mendalam andaian, nilai dan/atau kepercayaan berasaskan pengalaman diri sendiri dan ulasan literatur.
 - Membincangkan secara terperinci jurang antara nilai dan/atau kepercayaan yang dipercayai yang dipegang dengan amalan yang dilaksanakan.
 - Menyatakan justifikasi/andaian/harapan terhadap kajian yang dicadangkan.

Perhatian:

Lihat Contoh Penulisan Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran Lalu dalam Bahagian 3 (Format Penulisan Kertas Cadangan)

2. FOKUS KAJIAN

Pemilihan Fokus Kajian

- Mengenal pasti dan menghuraikan fokus kajian yang berkait dengan pengalaman pengkaji dan relevan dengan keperluan murid.
- Menilai pemilihan fokus berdasarkan kriteria berikut:
- Kebolehtadbiran (Berkeupayaan menangani masalah/ Kekangan yang dihadapi).
- Kepentingan (Perkongsian ilmu pengetahuan dan memberi nilai tambah pedagogi).
- Kebolegunaan (boleh diaplikasikan ke dalam bidang tugas guru).
 - Kawalan (Bidang kajian berada di dalam ruang lingkup kuasa guru untuk bertindak termasuklah murid, alatan P&P).
 - Kolaborasi (Bantuan rakan guru/ Memudahkan perbincangan dan rujukan pakar/ Sokongan pihak pentadbir sekolah).
 - Kerelevanan kepada sekolah (Keperluan menangani masalah).
- Menyatakan fokus kajian dan peluang penambahbaikan dengan amat jelas.
- Menghuraikan cara pengumpulan data awal untuk membuktikan masalah/ isu secara terperinci.
- Menyertakan dokumen yang berkaitan sebagai data untuk membuat refleksi amalan P&P.
- Menyatakan perkaitan dan kerelevanan dengan masalah/ isu.

Pengumpulan Data Awal

- Data awal seperti ujian diagnostik, temu bual, buku latihan, rekod pencapaian dan seumpamanya yang berkaitan dengan isu yang dikaji.
- Menunjukkan keprihatinan untuk menyelesaikan isu tersebut.

Perhatian:

Ulasan literatur haruslah digabung jalin sepanjang penulisan teks. Perkara-perkara berikut haruslah diberi perhatian dalam mengulas literatur:

- Ulasan literatur berkaitan isu kajian.
- Menghubungkan artikel-artikel penyelidikan dengan isu keprihatinan yang telah dikenalpasti.

- Penggunaan sedutan kata (quotation).
- Penulisan rujukan menggunakan sistem APA terkini.
 - Sekurang-kurangnya 15 sumber pembacaan berkaitan yang merangkumi bahan- bahan daripada sumber buku, jurnal, artikel ilmiah dari laman web yang sah, tesis atau kajian terdahulu daripada universiti atau Institut Pengajian Tinggi (IPT) lain.

Tindakan

- Menghuraikan model penyelidikan tindakan seperti dinyatakan dalam Ringkasan Maklumat Kursus (RMK)
- Memperincikan bahan atau sistem yang digunakan sebagai tindakan, sekiranya ada (iaitu sama ada permainan, board game seperti sahibba monopoli, main peranan dan seumpamanya)
- Menghuraikan proses menggunakan bahan yang dihasilkan atau melaksanakan tindakan bagi memperbaiki isu murid dan amalan guru.
- Memperihalkan teori atau prinsip yang menjadi asas kepada tindakan secara jelas.
- Membuat perkaitan dengan ulasan literatur yang relevan dengan tindakan yang dilaksanakan secara jelas.

3. OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

- Perlu menulis secara spesifik pernyataan objektif yang berkaitan pengkaji dan peserta kajian
- Objektif untuk pengamal selaku pengkaji digambarkan melalui pemilihan perkataan tingkah laku yang boleh diukur atau eksplisit
- Objektif dapat menjawab isu kajian
- Objektif yang ditulis dapat diukur pada akhir kajian
- Objektif dapat dilaksanakan melalui tindakan atau kaedah yang dicadangkan. Pernyataan objektif yang melibatkan peserta kajian perlu mengandungi tiga perkara berikut:
 - Pencapaian tindakan (misalnya "*menguasai kemahiran penambahan mengumpul semula ...*")
 - Fokus (misalnya, "*konsep asas penambahan mengumpul semula murid pemulihan Tahun Tiga*")
 - Tindakan (misalnya, "Tikar Ajaib")
- Kata kerja yang digunakan dalam objektif dan soalan kajian boleh diukur
 - Contoh pernyataan objektif:

- Menghuraikan cara murid menguasai kemahiran penambahan mengumpul semula menggunakan Tikar Ajaib. (*kepada peserta kajian*).
- Memperihalkan amalan penambahbaikan pedagogi guru dalam meningkatkan penguasaan murid menambah dengan mengumpul semula menggunakan Tikar Ajaib (*kepada pengamal*).
- Soalan kajian mestilah relevan dengan objektif kajian.
 - Contoh soalan kajian merujuk kepada contoh pernyataan objektif di atas:
 - Bagaimanakah murid menguasai kemahiran penambahan mengumpul semula menggunakan Tikar Ajaib?
 - Bagaimanakah guru menambah baik amalan pedagogi bagi meningkatkan penguasaan murid menambah dengan mengumpul semula melalui penggunaan Tikar Ajaib?

Perhatian:

Elakkan daripada menggunakan perkataan-perkataan seperti mencari “perbezaan”, “perhubungan”, “keberkesanan” dalam pernyataan objektif kerana perkataan sedemikian tidak menggambarkan konsep Penyelidikan Tindakan Pernyataan hipotesis nul dan alternatif tidak sesuai dinyatakan dalam kajian ini.

4. PESERTA KAJIAN

- Menyatakan penglibatan pengkaji secara langsung.
- Memerihalkan ciri-ciri peserta kajian secara terperinci merangkumi perkara berikut:
 - Bilangan, jantina, lokasi dan/atau nama sekolah dan kelas (elakkan daripada menggunakan nama sebenar), prestasi akademik, ciri-ciri khusus kelas dan individu yang dikaji.
- Pengkaji mestilah mematuhi etika penyelidikan.

Perhatian:

Bilangan peserta kajian haruslah sesuai dengan isu dan fokus kajian.

Perkataan yang sesuai digunakan bagi mewakili kumpulan sasaran ialah “peserta kajian” dan “murid”. Elakkan daripada menggunakan perkataan “sampel” dan “responden”.

5. PELAKSANAAN KAJIAN

Bahagian ini mengandungi 3 perkara:

- Langkah-langkah Tindakan
- Kaedah Mengumpul Data
- Cara Menganalisis Data

Langkah-langkah Tindakan

- Memperincikan langkah-langkah atau aktiviti tindakan (P&P) dengan amat jelas (rujuk pada rubrik pentaksiran),
- Menyatakan senarai tindakan mengikut urutan. Boleh dimasukkan RPH jika perlu
- Memberi rasional terhadap tindakan yang dicadangkan

Kaedah Mengumpul Data

- Dalam penyelidikan tindakan, pengkaji adalah instrumen utama.
- Pengkaji mesti mematuhi etika penyelidikan.
- Contoh: surat kebenaran daripada ibu bapa/penjaga (sekiranya perlu)
- Terdapat tiga kaedah mengumpul data:
 - Pemerhatian
 - Temu bual
 - Analisis Dokumen
- Contoh instrumen:
 - Ujian bertulis
 - Ujian yang dibina oleh guru sendiri
 - Soalan berbentuk objektif atau subjektif sesuai digunakan
 - Mengukur pengetahuan dan kemahiran yang relevan dengan soalan kajian
 - Temu bual
 - Berstruktur: mempunyai jadual khusus dan soalan disediakan mengikut urutan
 - Separa berstruktur: soalan spesifik disediakan dan dikemukakan tetapi pencungkilan dilakukan berasaskan jawapan yang diberikan
 - Tidak berstruktur: pengkaji boleh meneroka dan melakukan pencungkilan dengan bebas; perlu ada kerangka/ senarai tema/ topik yang dikehendaki

Contoh:

- Apakah perasaan anda yang ingin dikongsi dengan kami semasa mengikuti aktiviti sebentar tadi? Mengapa?
- Apakah pandangan anda? Mengapa?

○ Pemerhatian

- Terdapat dua jenis pemerhatian: pemerhatian turut serta (participant observation) dan pemerhatian tanpa turut serta (non-participant observation).
- Contoh: jurnal, buku log, diari, catatan anekdot, senarai semak dan nota lapangan, rakaman audio-visual yang dilakukan sendiri atau orang lain.
- Instrumen pemerhatian yang dibina mestilah relevan dengan soalan kajian.

○ Analisis dokumen

- Pengkaji menggunakan bahan yang wujud atau hasil kerja peserta kajian
- Analisis dokumen merujuk kepada data yang memberi gambaran dan kefahaman mendalam tentang sesuatu peristiwa atau kejadian.
- Jenis dokumen:
- Sumber primer disediakan oleh peserta kajian
- Sumber sekunder diperolehi dari sumber lain

Contoh: autobiografi, surat peribadi, diari, jurnal reflektif, hasil kerja murid, buku skrap

Contoh: minit mesyuarat, memo, rekod murid dan fail peribadi murid, Surat panggilan mesyuarat, buku tahunan, press release, kod etika, pernyataan falsafah, surat khabar, buletin, surat kepada editor, risalah, buku garis panduan kepada murid atau ibu bapa

Cara Menganalisis Data

- Pengkaji mesti mematuhi etika penyelidikan
- Cara analisis mesti sesuai dengan jenis data yang dikumpul.
 - Cara analisis data dijelaskan (Perhatian: Jadual matriks analisis data kualitatif dikemukakan untuk menggambarkan proses analisis yang terlibat)
 - Contoh: analisis secara deskriptif menggunakan kekerapan (bilangan dan/atau peratusan) atau analisis bertema (thematic analysis) dalam memberi makna kepada data.

6. DAPATAN KAJIAN

- Membincangkan dapatan kajian yang bersesuaian dengan soalan kajian
- Menyertakan bukti dari pelbagai sumber data yang amat relevan untuk menyokong dapatan kajian
- Data kuantitatif dan kualitatif mestilah dibincangkan dalam cara yang saling sokong menyokong antara satu sama lain.

7. REFLEKSI

- Bahagian ini merupakan bahagian perbincangan kajian
- Seperti mana di dalam bahagian-bahagian lain, penulisan di bahagian ini mestilah berbentuk refleksi sendiri
- Membuat hubung kait dapatan kajian dengan ulasan literatur
- Membuat justifikasi antara andaian, nilai atau kepercayaan diri dengan amalan pedagogi terdahulu
- Melakukan refleksi sendiri yang merangkumi perkara berikut:
 - memahami masalah yang dihadapi dalam amalan pedagogi terdahulu
 - membuat perkaitan antara dapatan kajian dengan masalah dalam amalan pedagogi terdahulu
 - mengkategorikan perkaitan dan menghubungkannya dengan tinjauan literatur
 - memanipulasikan perkaitan dengan cara baharu
 - mengaplikasikan dapatan kajian dalam amalan pedagogi, dan seterusnya membuat justifikasi terhadap andaian, nilai atau kepercayaan diri.

8. CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

- Dapat menilai tindakan yang diambil secara kritis.
- Cadangan untuk tindakan susulan dan kajian lanjutan dibincangkan dengan jelas.

9. RUJUKAN

Menyenaraikan sekurang-kurangnya 15 rujukan daripada pelbagai sumber merangkumi jurnal, buku dan sumber dalam talian yang boleh dipercayai. Rujukan kajian lepas tidak melebihi 10 tahun dan penulisan rujukan adalah konsisten dengan gaya rujukan *American Psychological Association (APA)* terkini.

LAMPIRAN

Lampiran perlu bersesuaian dengan kajian yang dijalankan dan disusun secara sistematik seperti contoh berikut:

- LAMPIRAN A: SURAT KEBENARAN
- LAMPIRAN B: INSTRUMEN KAJIAN

Lampiran seterusnya mengikut kesesuaian dan keperluan kajian yang dijalankan.

E. PANDUAN PENULISAN ARTIKEL PENYELIDIKAN

Artikel Penyelidikan tindakan terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu bahagian abstrak dan teks. Panjang artikel adalah 1500 patah perkataan tidak termasuk rujukan. Teks ditulis menggunakan *Font Arial* saiz 11 manakala abstrak menggunakan *Font Arial* saiz 10. Penulisan abstrak dilangkau sebaris. Penulisan teks dilangkau 1.5. Margin atas, bawah dan kanan adalah 1" (2.54 cm), margin kiri adalah 1.5" (3.81 cm). Artikel mengandungi tajuk, nama pelajar, program pengajian dan alamat emel.

ABSTRAK

Penulisan abstrak hendaklah dalam satu perenggan sahaja dan tidak melebihi 250 patah perkataan. Aspek yang perlu dimasukkan ialah pernyataan masalah, tujuan kajian, metodologi, dapatan dan implikasi/kepentingan. Abstrak hendaklah ditulis dalam dwibahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Bagi kursus yang dikendalikan dalam bahasa lain seperti bahasa Cina, abstrak perlu disediakan dalam bahasa Cina dan bahasa Melayu manakala kursus yang dikendalikan dalam bahasa Tamil, abstrak disediakan dalam bahasa Tamil dan bahasa Melayu. Tiga hingga lima kata kunci yang sesuai perlu dinyatakan di bawah ruangan abstrak.

PENGENALAN

- Memberi gambaran menyeluruh tentang bidang kajian
- Menghuraikan refleksi dan pengalaman P&P yang berkaitan dengan fokus kajian
- Menyatakan justifikasi/ andaian/ harapan terhadap kajian yang dicadangkan
- Pengumpulan Data Awal

FOKUS KAJIAN

Mengenal pasti dan menghuraikan fokus kajian yang berkait dengan pengalaman pengkaji dan relevan

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Menyatakan objektif dan soalan kajian

PESERTA KAJIAN

Memerihalkan penglibatan pengkaji dan ciri-ciri peserta kajian lain



TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Menghuraikan langkah-langkah/ aktiviti tindakan (P&P), kaedah mengumpul, menganalisis, dan menyemak data.

DAPATAN KAJIAN

REFLEKSI

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

RUJUKAN

Menyenaraikan semua rujukan yang relevan dan dinyatakan dalam artikel sahaja. Penulisan rujukan adalah konsisten dengan gaya rujukan *American Psychological Association* (APA) terkini.

F. RUBRIK PENTAKSIRAN KERTAS CADANGAN PENYELIDIKAN TINDAKAN

(JUMLAH MARKAH = 60)

Aspek	AMAT CEMERLANG (Markah) 4.6 - 5.0 9.0 - 10.0	CEMERLANG (Markah) 3.8 - 4.5 7.5 - 8.9	KEPUJIAN (Markah) 3.0 - 3.7 6.0 - 7.4	SEDERHANA (Markah) 2.5 - 2.9 5.0 - 5.9	GAGAL (Markah) 0.0 - 2.4 0.0 - 4.9
Kriteria					
1.0 PENDAHULUAN (15 MARKAH) Pengenalan/ Konteks (5 markah)	Dapat memberi gambaran menyeluruh tentang bidang kajian dengan amat jelas.	Dapat memberi gambaran menyeluruh tentang bidang kajian dengan jelas.	Dapat memberi gambaran tentang bidang kajian secara agak jelas.	Dapat memberi gambaran tentang bidang kajian tetapi kurang jelas.	Dapat memberi gambaran tentang bidang kajian tetapi tidak jelas.
Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran (10 markah)	Menghuraikan maklumat tentang pengkaji, mata pelajaran yang diajar, isi kandungan pedagogi, huraian am murid dan sekolah dengan amat jelas.	Menghuraikan maklumat tentang pengkaji, mata pelajaran yang diajar, isi kandungan pedagogi, huraian am murid dan sekolah dengan jelas.	Menghuraikan maklumat tentang pengkaji, mata pelajaran yang diajar, isi kandungan pedagogi, huraian am murid dan sekolah dengan agak jelas.	Menghuraikan maklumat tentang pengkaji, mata pelajaran yang diajar, isi kandungan pedagogi, huraian am murid dan sekolah tetapi kurang jelas.	Menghuraikan maklumat tentang pengkaji, mata pelajaran yang diajar, isi kandungan pedagogi, huraian am murid dan sekolah tetapi tidak jelas.
	Membuat refleksi sendiri tentang pengalaman P&P sendiri dengan amat jelas.	Membuat refleksi sendiri tentang pengalaman P&P sendiri dengan jelas.	Membuat refleksi sendiri tentang pengalaman P&P sendiri dengan agak jelas.	Membuat refleksi sendiri tentang pengalaman P&P sendiri tetapi kurang jelas.	Membuat refleksi sendiri tentang pengalaman P&P sendiri tetapi tidak jelas.

Aspek	AMAT CEMERLANG (Markah) 4.6 - 5.0 9.0 - 10.0	CEMERLANG (Markah) 3.8 - 4.5 7.5 - 8.9	KEPUJIAN (Markah) 3.0 - 3.7 6.0 - 7.4	SEDERHANA (Markah) 2.5 - 2.9 5.0 - 5.9	GAGAL (Markah) 0.0 - 2.4 0.0 - 4.9
Kriteria	Menganalisis andaian/nilai/kepercayaan dan jurang di antara nilai dan amalan P&P yang dilaksanakan dengan amat jelas. <i>*Hujah dan kupasan haruslah merujuk kepada ulasan literatur yang relevan, tepat dan mempunyai kredibiliti.</i>	Menganalisis andaian/nilai/kepercayaan dan jurang di antara nilai dan amalan P&P yang dilaksanakan dengan jelas. <i>*Hujah dan kupasan haruslah merujuk kepada ulasan literatur yang relevan, tepat dan mempunyai kredibiliti.</i>	Menganalisis andaian/nilai/kepercayaan dan jurang di antara nilai dan amalan P&P yang dilaksanakan dengan agak jelas. <i>*Hujah dan kupasan haruslah merujuk kepada ulasan literatur yang relevan, tepat dan mempunyai kredibiliti.</i>	Menganalisis andaian/nilai/kepercayaan dan jurang di antara nilai dan amalan P&P yang dilaksanakan tetapi kurang jelas. <i>*Hujah dan kupasan haruslah merujuk kepada ulasan literatur yang relevan, tepat dan mempunyai kredibiliti.</i>	Tidak menganalisis andaian/nilai/kepercayaan dan jurang di antara nilai dan amalan P&P yang dilaksanakan. <i>*Hujah dan kupasan haruslah merujuk kepada ulasan literatur yang relevan, tepat dan mempunyai kredibiliti.</i>
	Dapat membuktikan masalah/isu wujud melalui data awal dari pelbagai sumber secara amat terperinci.	Dapat membuktikan masalah/isu wujud melalui data awal dari pelbagai sumber secara terperinci.	Dapat membuktikan masalah/isu wujud melalui data awal dari pelbagai sumber secara agak terperinci.	Dapat membuktikan masalah/isu wujud melalui data awal dari pelbagai sumber tetapi kurang terperinci.	Dapat membuktikan masalah/isu wujud melalui data awal dari pelbagai sumber tetapi tidak terperinci.
